

## BANTUAN PERSEDIAAN YAYASAN TERENGGANU

Bagi pelajar anak Terengganu yang layak & memenuhi syarat, kerajaan Negeri Terengganu telah menyediakan satu Skim Bantuan Persediaan ke IPT bagi mengurangkan bebanan kewangan sebelum memulakan pengajian di IPT. Berikut adalah perincian Bantuan Persediaan yang disediakan

### Kadar Bantuan

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	JUMLAH (RM)
1	Sek. Berasrama Penuh	500.00
2	Sijil	500.00
3	Matrikulasi/ Asasi/ A-Level	500.00
4	Diploma	750.00
5	Ijazah Sarjana Muda	1,000.00
6	Sarjana (Master)	1,000.00
7	Doktor Falsafah (PhD)	1,000.00

\*\* Tambahan RM 300.00 bagi pengajian di Sabah & Sarawak

### Syarat-syarat permohonan

1. Anak Negeri Terengganu, iaitu salah seorang **IBU/BAPA/PENJAGA LAHIR DI TERENGGANU** (Warganegara Malaysia)

ATAU

**IBU / BAPA (atau kedua-duanya) / PENJAGA** yang **BUKAN LAHIR DI TERENGGANU** tetapi bermastautin tetap melebihi **10 TAHUN** boleh memohon dengan menyertakan **SURAT AKUAN MENJADI RAKYAT** atau **SURAT AKUAN BERMASTAUTIN / BERMUKIM**.

2. Ibu/bapa/penjaga mendaftar sebagai **PEMILIH di DUN Negeri Terengganu**.
3. Institusi Pengajian yang ditawarkan mestilah diiktiraf oleh kerajaan, diluluskan oleh **Jabatan Pendidikan Swasta (JPS)** dan diiktiraf oleh **Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**.

4. Institusi & Program Pengajian dibawah **Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) TIDAK LAYAK** memohon.
  5. Kursus pengajian **SEPENUH MASA** serta pemohon **TIDAK BEKERJA**.
  6. Program/Sijil/Kursus yang **kurang dari satu (1) tahun** tidak layak memohon.
  7. Syarat umur bagi permohonan :-
    - Peringkat **Sijil / Diploma / Ijazah / Sarjana (Master)** - 25 tahun ke bawah.
    - Peringkat **Doktor Falsafah (PhD)** - 30 tahun ke bawah.
  8. Setiap pemohon hanya layak memohon **SEKALI SAHAJA** bagi setiap peringkat pengajian.
  9. Bantuan Persediaan kategori **Sekolah Berasrama Penuh (SBP, MRSM, IMTIAZ, SMIDI, SMASZA)** hanya diberi **SEKALI SAHAJA** sepanjang tempoh persekolahan.
  10. Tempoh permohonan adalah selewat-lewatnya **SEBULAN** dari tarikh pendaftaran rasmi ke IPT (surat tawaran)
- 

Syarat ini dikira mengikut tahun kelahiran pemohon

**Catatan :** Bagi kes yang taraf kerakyatan dan daftar pemilih yang meragukan, sejarah persekolahan pemohon akan diambil kira dalam menentukan pertimbangan.

### **KAEDAH PERMOHONAN**

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) menerusi

<https://ytklik.terengganu.gov.my/application/2/online>